

Tatakelakuan Rakan Kongsi

Istilah ini adalah tambahan bagi istilah Perjanjian anda dengan Juniper Networks ("Juniper") dan boleh diubah oleh Juniper pada bila-bila masa.

Juniper menghendaki anda, sebagai pengedar rakan kongsi niaga Juniper; penjual semula; rakan kongsi perkhidmatan, bersekutu atau pendidikan; dsb.) mematuhi prinsip etika yang tertinggi semasa menjalankan urusan anda dan untuk mengelakkan daripada terlibat dalam sebarang aktiviti yang terlibat bahkan bayangan ketakwajaran sekalipun. Anda mempunyai peranan yang penting dalam melindungi kepercayaan yang diletakkan kepada Juniper dan rakan niaga kita oleh para pelabur, pelanggan, rakan sejawat dan komuniti perniagaan global. Semua rujukan kepada "anda" dalam dokumen ini merujuk kepada rakan niaga Juniper yang dokumen ini ditujukan serta pengarahnya, pegawai, ejen, kontraktor, perunding dan pekerjaanya (secara kolektif "kakitangan").

Tatakelakuan ("Tata") ini dikenakan kepada anda dan pekerja anda dalam semua aktiviti anda yang berkaitan dengan hubungan perniagaan anda dengan Juniper di seluruh dunia. Anda akan memastikan bahawa Tata ini diberikan kepada kakitangan anda yang bekerja dengan kakitangan Juniper atau memasarkan produk atau perkhidmatan Juniper. Sebarang pelanggaran terhadap Tata ini akan menyebabkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan status anda sebagai rakan niaga Juniper.

Tata ini menentukan standard minimum kelakuan perniagaan dan amalan perniagaan yang boleh diterima. Jika undang-undang dan peraturan setempat adalah lebih membenarkan daripada Tata ini, anda dikehendaki mematuhi Tata ini. Jika undang-undang dan peraturan setempat adalah lebih menyekat daripada Tata ini, anda hendaklah sentiasa mematuhi keperluan undang-undang tersebut.

Juniper menghendaki agar anda menyediakan tatakelakuan untuk kakitangan anda yang menangani topik yang serupa seperti yang terkandung di dalam Tata ini.

1. Integriti Kewangan dan Perakaunan. Sebarang dokumentasi, maklumat dan penyerahan yang anda berikan kepada Juniper dan pelanggan bersama kita mestilah lengkap, tepat dan tidak mengelirukan dalam apa-apa cara sekalipun. Kecuali sebaliknya dipersetujui oleh Juniper, semua pembayaran kepada Juniper mestilah dibuat oleh entiti sah yang bertanggungjawab untuk membuat pembayaran tersebut seperti yang dirujuk pada dokumentasi pesanan yang relevan kecuali sebaliknya dipersetujui oleh Juniper. Maklumat ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, titik pelaporan jualan, pesanan pembelian, pelaporan jualan, permintaan bida atau harga istimewa, permintaan rebat dan permintaan pembayaran balik.

Anda tidak boleh membuka atau mengekalkan, bagi pihak Juniper, akaun bank, dana atau sekumpulan dana (termasuk, sebagai contoh, wang tunai di dalam peti simpanan atau akaun yang tersembunyi). Anda tidak boleh menyimpan atau menguruskan, secara berasingan,

hamparan rekod perakaunan biasa anda atau dokumen lain yang telah digunakan untuk menjejaki aktiviti dalam dana tunai, kredit atau diskaun, dsb.

2. Pematuhan Antisogokan. Anda mesti mematuhi semua undang-undang antisogokan persekutuan, negeri dan setempat yang berkuat kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat ("FCPA"), Akta Integriti Pemerolehan Persekutuan A.S. dan Akta Sogokan 2010 UK. Anda tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, membuat, menawarkan atau membenarkan pembayaran sebarang wang, hadiah, rasuah, sogokan atau apa-apa yang bernilai kepada sesiapa (ini termasuk hadiah, perjalanan, jamuan dan keraian), termasuk pegawai asing atau kerajaan, pekerja atau wakil sebarang kerajaan, syarikat atau organisasi awam atau antarabangsa, atau kepada mana-mana pihak lain, jika pembayaran yang sedemikian bertujuan, atau boleh ditanggapi sebagai bertujuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mempengaruhi secara tidak wajar atau memperoleh sebarang kelebihan bersaing yang tidak adil. Anda mesti mematuhi sepenuhnya dengan sebarang peraturan yang berkaitan dengan proses tender dan bida. Anda tidak boleh menawarkan pekerjaan kepada pekerja atau pegawai kerajaan jika tindakan tersebut akan melanggar undang-undang yang berkuat kuasa.

3. Undang-Undang Antitrust dan Persaingan. Anda mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan antitrust dan persaingan yang berkuat kuasa. Anda tidak dibenarkan untuk melakukan atau mencuba untuk melakukan mana-mana daripada yang berikut: 1) bersetuju dengan rakan niaga atau syarikat lain untuk menetapkan atau mengawal harga untuk penawaran, 2) bersetuju dengan syarikat lain untuk memboikot pembekal atau pelanggan, 3) bersetuju dengan syarikat lain untuk membahagikan atau memperuntukkan pasaran atau pelanggan, atau 4) menyelaraskan bida dengan syarikat lain.

4. Konflik Kepentingan. Anda tidak akan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang akan campur tangan dengan tanggungjawab kontraktual anda kepada Juniper atau yang mungkin ditanggapi sebagai konflik kepentingan yang boleh secara wajarnya berkemungkinan mencampur tangan dengan tanggungjawab yang sedemikian. Konflik kepentingan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kakitangan Juniper yang merupakan pegawai, pengarah atau pemegang saham anda, pembayaran insentif kepada kakitangan Juniper, atau sebarang perhubungan ekonomi or keluarga dengan kakitangan Juniper. Sekiranya anda menyedari tentang berlakunya atau kemungkinan berlakunya konflik kepentingan, anda perlu segera memaklumkan kepada Juniper.

5. Komunikasi Berkenaan Juniper. Semua pernyataan, komunikasi dan perwakilan kepada pelanggan Juniper mestilah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dalam apa-apa cara sekalipun. Begitu juga, anda tidak boleh membuat atau mencuba untuk membuat sebarang perjanjian atau komitmen bertulis atau lisan

bagi pihak Juniper, termasuk komitmen ciri produk, tanpa kebenaran bertulis daripada Juniper.

6. Pelaporan Kelakuan Tidak Wajar Anda akan segera melaporkan kejadian yang bersifat boleh dipersoalkan, penipuan atau menyalahi undang-undang yang, atau mungkin, melanggar Tata ini, atau undang-undang atau peraturan lain yang berkuat kuasa, kepada Juniper melalui salah satu cara yang berikut:

(1) e-mel ethicshelpline@juniper.net atau (2) hubungi Talian Bantuan Etika Juniper di nombor 1-888-475-8388 atau (3) hubungi Penasihat Undang-Undang Juniper. Panggilan kepada Talian Penting Etika diterima oleh perkhidmatan pihak ketiga bebas secara khususnya diambil oleh Juniper untuk mengendalikan laporan yang sedemikian di negara-negara yang berkenaan, laporan boleh dibuat secara tanpa nama, dan akan dirahsiakan sepenuhnya yang boleh diamalkan dan dan dibenarkan oleh undang-undang.

7. Pelanggan Kerajaan. Aktiviti yang mungkin wajar semasa berurusan dengan pelanggan bukan kerajaan mungkin tidak wajar dan bahkan harap semasa berurusan dengan entiti kerajaan serta perniagaan yang merupakan milik kerajaan, kawalan kerajaan atau tertakluk kepada peraturan pemerolehan ("Pelanggan Kerajaan"). Jika anda menjual kepada Pelanggan Kerajaan, anda perlu mematuhi semua undang-undang, peraturan, kaedah pemerolehan dan klausa kontrak yang berkaitan dengan pemerolehan barangan dan perkhidmatan oleh Pelanggan Kerajaan tersebut, sama ada jualan tersebut adalah secara langsung atau tidak langsung dan termasuk pemasaran atau saranan produk dan/atau perkhidmatan Juniper.

Mungkin terdapat larangan atau syarat-syarat khas yang timbul daripada statut, peraturan dan kontrak atau subkontrak kerajaan yang berkaitan dengan pembayaran dan/atau penerimaan yuran dan faedah lain semasa berurusan dengan Pelanggan Kerajaan. Dalam semua transaksi kerajaan anda mesti memastikan bahawa pembayaran yuran adalah dibenarkan sebelum meminta yuran atau pampasan lain yang berkaitan dengan yang tersebut. Anda boleh diminta untuk mendedahkan yuran yang mungkin perlu dibayar secara bertulis kepada Pelanggan Kerajaan. Anda bertanggungjawab untuk menentukan dalam setiap keadaan sama ada yuran yang mungkin perlu dibayar adalah dibenarkan dan sama ada pendedahan adalah diperlukan.

8. Undang-Undang Perdagangan Orang Dalam. Anda mesti mematuhi sepenuhnya dengan undang-undang perdagangan dan sekuriti yang mentadbir urus transaksi dalam sekuriti Juniper. Jika anda memiliki atau mempunyai akses kepada maklumat material dan bukan umum tentang Juniper, anda mesti menggunakan maklumat tersebut semata-mata untuk tujuan maklumat itu telah diberikan kepada anda. Anda tidak boleh menggunakan maklumat tersebut untuk menjual beli dalam sekuriti Juniper dan anda tidak boleh memberi maklumat itu kepada orang lain agar mereka boleh menjual beli dalam sekuriti Juniper.

9. Perlindungan Maklumat. Anda mesti mengekalkan kerahsiaan sebarang maklumat sulit dan sebarang maklumat proprietari lain yang anda peroleh semasa tempoh perhubungan perniagaan anda dengan Juniper dan pelanggan bersama kami. Anda tidak boleh menghasilkan semula perisian yang berhak cipta, dokumentasi atau bahan-bahan lain kecuali dibenarkan dengan sewajarnya untuk melakukannya. Anda bertanggungjawab untuk memastikan sekatan ini difahami dan dipatuhi oleh pekerja dan ejen anda dan anda mesti juga mematuhi sebarang syarat-syarat privasi data yang berkuat kuasa.

10. Pematuhan Eksport Anda mesti mempunyai dan mematuhi program kawalan eksport yang didokumenkan yang disusun untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan A.S. dan semua undang-undang dan peraturan eksport dan import berkuat kuasa yang lain. Kecuali dibenarkan di bawah lesen atau dibenarkan sebaliknya di bawah undang-undang dan peraturan tersebut, anda tidak akan mengeksport, mengeksport semula, memindahkan, melencongkan, melepaskan, mengimport atau mendedahkannya kepada sesiapa atau entiti lain, atau menggunakan sebarang (1) perkakasan dan perisian Juniper atau (2) teknologi yang berkaitan dengan produk semasa atau masa hadapan Juniper. Tanggungjawab anda dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahan-bahan yang didapati di: https://www.juniper.net/partners/partner_center/content/reseller_trade_compliance.jsp.

11. Kelakuan Bertanggungjawab Rakan Niaga Perniagaan. Anda dan kakitangan anda perlu berkelakuan secara profesional semasa mewakili produk dan perkhidmatan Juniper dalam pasaran. Ini bermakna melayani semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat sepertimana menjalankan urusan perniagaan semasa melakukan urusan pemasaran, penjualan atau menyokong produk dan perkhidmatan Juniper.

12. Perhubungan Pihak-Pihak. Anda dan Juniper adalah kontraktor bebas dan tiada pihak yang akan dianggap sebagai ejen pihak yang satu lagi untuk sebarang tujuan sekalipun. Tiada dalam Tatakelakuan Rakan Niaga ini akan diertikan sebagai mewujudkan perkongsian atau usahasama antara pihak-pihak tersebut.

13. Hak Asasi Kemanusiaan Pekerja; Kesihatan dan Keselamatan. Anda perlu komited untuk menegakkan hak asasi kemanusiaan pekerja dan untuk melayani mereka dengan bermaruah dan rasa hormat seperti yang difahami oleh komuniti antarabangsa. Melalui contoh, anda mesti mematuhi standard buruh yang adil yang membenarkan pekerjaan yang dipilih secara bebas, melarang buruh kanak-kanak dan pemerdagangan manusia, dan membenarkan waktu kerja yang sewajarnya dan pembayaran gaji dan faedah yang adil. Anda mesti mengelakkan layanan tidak berperikemanusiaan terhadap para pekerja. Anda mesti komited kepada tenaga kerja yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi dan membenarkan kebebasan berpersatuan kakitangan. Selain itu, anda perlu mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Corporate and Sales Headquarters
Juniper Networks, Inc.
1133 Innovation Way
Sunnyvale, CA 94089 USA
Telefon: 888.JUNIPER (888.586.4737)
atau +1.408.745.2000
Faks: +1.408.745.2100
www.juniper.net

APAC and EMEA Headquarters
Juniper Networks International B.V.
Boeing Avenue 240
1119 PZ Schiphol-Rijk
Amsterdam, The Netherlands
Telefon: +31,0.207.125.700
Faks: +31,0.207.125.701

Hak cipta 2015 Juniper Networks, Inc. Hak cipta terpelihara. Juniper Networks, logo Juniper Networks, Junos dan QFabric adalah tanda dagangan berdaftar Juniper Networks, Inc. di Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Semua tanda dagangan lain, tanda perkhidmatan, tanda berdaftar atau tanda perkhidmatan berdaftar adalah harta pemilik masing-masing. Juniper Networks tidak bertanggungjawab ke atas sebarang ketaktepatan dalam dokumen ini. Juniper Networks berhak untuk mengubah, mengubah suai, memindahkan atau sebaliknya menyamak penerbitan ini tanpa notis.

JUNIPER
NETWORKS